A

Tey Por Yee lwn Mohd Yusof bin Ibrahim dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO 25–25–06 TAHUN 2015
MOHD YAZID H
7 DISEMBER 2016

C

Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Permohonan — Pemohon memfailkan semakan kehakiman terhadap responden-responden di atas tindakan responden kedua dan ketiga menghalang pemohon ke luar negara — Sama ada sekatan oleh responden-responden sah dari segi undang-undang — Sama ada pemohon layak diberikan ganti rugi — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 s 44

D

Permohonan semakan kehakiman ini telah difailkan oleh pemohon terhadap responden-responden di atas tindakan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia ('responden kedua') yang menghalang pemohon untuk berlepas ke Singapura pada 3 Jun 2015. Tindakan responden kedua tersebut adalah berasaskan surat yang diterima daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman bertarikh 1 April 2015 yang mana pemohon disekat dari meninggalkan Malaysia berdasarkan peruntukan s 44(4)(c) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('Akta'). Isu-isu yang perlu diputuskan adalah sama ada sekatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 3 Jun 2015 yang menghalang pemohon ke Singapura adalah sah dari segi undang-undang; dan jika sekatan tersebut sah, sama ada pemohon layak diberikan apa-apa ganti rugi.

E

F

G

Diputuskan, membenarkan sebahagian permohonan dengan kos sebanyak RM4,000:

(1) Tindakan responden kedua yang menghalang pemohon meninggalkan Malaysia pada 3 Jun 2015 semata-mata bergantung kepada surat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman, bertarikh 1 April 2015 tanpa perintah di bawah s 44(1) Akta adalah satu penyalahgunaan kuasa, satu tindakan yang tidak sah, tidak munasabah dan bertentangan dengan undang-undang. Oleh itu, pemohon berhak dipampaskan dengan ganti rugi (lihat perenggan 14 & 20).

H

I

(2) Pemohon mempunyai beban untuk membuktikan kerugiannya sebelum berhak kepada ganti rugi-ganti rugi yang dituntut. Berdasarkan faktor bahawa pemohon telah dinafikan haknya bertolak ke Singapura dan akibatnya mengalami kerugian serta faktor perasaan pemohon yang

sedih, malu dan sengsara dalam masa hampir tiga bulan mulai dari 1 April–25 Jun 2015, maka ganti rugi am sebanyak RM5,000 amatlah berpatutan dan munasabah. Mahkamah tidak membenarkan tuntutan ganti rugi khas kerana tiada apa-apa keterangan dikemukakan oleh pemohon untuk menjustifikasikan tuntutan tersebut. Mahkamah juga mendapati ganti rugi tauladan adalah tidak wajar diberikan kepada pemohon (lihat perenggan 22–25 & 27–28).

[English summary

The judicial review application was filed by the applicant against the respondents following the action of the Director General of the Immigration Department ('the second respondent') in preventing the applicant from leaving for Singapore on 3 June 2015. The second respondent's act was based on a letter received from the Department of Investigation of Commercial Crime Bukit Aman dated 1 April 2015 in which the applicant was restricted from leaving Malaysia under the provisions of s 44(4)(c) of the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 ('the Act'). The issues for determination were whether the restrictions by the Immigration Department on 3 June 2015 which prevented the applicant from leaving for Singapore was valid in law; and if the restriction was valid, whether the applicants were entitled to any compensation.

Held, allowing part of application with costs of RM4,000:

(1) The second respondent's act of preventing the applicant from leaving Malaysia on 3 June 2015 solely based on a letter from the Commercial Crime Investigation Department, Bukit Aman, dated 1 April 2015, without an order under s 44(1) of the Act, was an abuse of power, an act that was invalid, unreasonable and in contravention to the law. Therefore, the applicant was entitled to compensation for damages (see paras 14 & 20).

(2) The applicant had the burden of proving his loss before reserving the right to the damages claimed. Based on the fact that the applicant was denied the right to leave for Singapore and, as a result, suffered losses and factors such as saddened, embarrassed and miserable for a period of nearly three months starting from 1 April–25 June 2015, the general damages of RM5,000 were reasonable and reasonable. The court did not allow the claim for special damages because such evidence was not submitted by the applicant to justify the claim. The court also found that it would not be fair to grant exemplary damages to the applicant (see paras 22–25 & 27–28).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 5572–5574.

Kes-kes yang dirujuk

Jerry WA Dusing @ Jerry W Patel & Anor v Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Anor [2015] 1 MLJ 675; [2014] 9 CLJ 321, MR (dirujuk)

Roshairee bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & Ors [1996] 3 MLJ 337, MT (dirujuk)

Tan Lin Siew v Syed Hussein bin Alwi [1987] 2 MLJ 53, MA (dirujuk)

Teh Guan Teik v Inspector General of Police & Anor [1998] 3 MLJ 137; [1998] 3 CLJ 153, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 s 44, 44(1), (4)(c)

Joanne Leong (Yeoh & Joanne) bagi pihak pemohon.

Julaila (Peguam Persekutuan, Unit Guaman Cawangan Selangor) bagi pihak responden.

Mohd Yazid H:

[1] Permohonan pemohon adalah untuk mendapatkan relif-relif berikut:

(a) perintah certiorari terhadap responden ketiga untuk membatalkan dan/atau menarik balik keputusan pada 3 Jun 2015 yang menyekat dan/atau menghalang pemohon dari meninggalkan Malaysia;

(b) deklarasi bahawa pemohon selaku warganegara Malaysia yang memegang passport Malaysia yang sah dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia pada 3 Jun 2015;

(c) deklarasi bahawa kegagalan, keengganan dan/atau keabaian responden kedua untuk membatalkan dan/atau menarik balik keputusan pada 3 Jun 2015 yang menyekat dan/atau menghalang pemohon dari meninggalkan Malaysia adalah tidak sah, tidak munasabah dan salah disisi undang-undang;

(d) ganti rugi untuk dibayar kepada pemohon;

(e) suatu siasatan dan taksiran ganti rugi dibuat bagi menentukan ganti rugi untuk dibayar kepada pemohon;

(f) kos permohonan dan kos berkaitan dengan permohonan ini ditanggung oleh responden-responden; dan

(g) relif berikutan dan/atau selanjutnya yang mahkamah yang mulia ini dianggap sesuai dan adil.

FAKTA KES

[2] Melalui surat dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman, bertarikh 1 Januari 2015 kepada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, di para 3 surat tersebut, pihak PDRM memohon pemohon disekat (disenarai hitam) daripada meninggalkan Malaysia sebagaimana peruntukan di bawah s 44(4)(c) Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('Akta 613') yang berkuatkuasa serta merta. Pihak PDRM juga menyatakan mereka akan menyerahkan passport pemohon kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia sebaik sahaja passport diterima daripada pemohon.

[3] Pada 3 Jun 2015, kira-kira jam 6 petang, pemohon telah berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor untuk menaiki pesawat penerbangan ke Singapura untuk urusan perniagaan.

[4] Semasa pemohon berada di kaunter pelepasan, pemohon telah dihalang untuk berlepas ke Singapura kerana terdapat status sekatan dalam sistem keselamatan imigresen yang telah diaktifkan pada 8 April 2015 dan sehingga tarikh 3 Jun 2015 masih lagi diaktifkan.

[5] Larangan ini adalah rentetan daripada surat PDRM bertarikh 1 April 2015.

[6] Peguamcara pemohon melalui surat bertarikh 4 Jun 2015 telah menulis surat kepada responden kedua untuk mendapat maklumat lanjut tentang sekatan tersebut dan memohon responden kedua untuk menarikbalik sekatan tersebut. Tiada maklumbalas daripada responden kedua dan responden ketiga.

[7] Melalui surat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman, bertarikh 25 Jun 2015 yang dialamatkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia memaklumkan bahawa sekatan perjalanan pemohon meninggalkan Malaysia telah ditarikbalik berkuatkuasa mulai 25 Jun 2015.

[8] Pemohon selanjutnya tidak berpuas hati dengan keputusan responden-responden dan kemudiannya bertindak menfailkan permohonan semakan kehakiman pada 29 Jun 2015.

ISU-ISU UNTUK DIPUTUSKAN

[9] Saya mendapati dua isu utama yang perlu diputuskan iaitu:

(a) sama ada sekatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 3 Jun 2015 yang menghalang pemohon ke Singapura (luar negara) adalah sah dari segi undang-undang?

(b) jika sekatan tersebut tidak sah, sama ada pemohon layak diawardkan sebarang ganti rugi.

Isu pertama

[10] Saya mendapati undang-undang yang releven adalah s 44 (Akta 613) sebagaimana berikut:

44 Freezing of property

(1) Subject to section 50, an enforcement agency *may issue an order to freeze any property of any person*, or any terrorist property, as the case may be, wherever the property may be, and whether the property is in his possession, under his control or due from any source to him, if —

(a) An investigation with regard to an unlawful activity has commenced against that person; and

(b) Either —

(i) the enforcement agency has reasonable grounds to suspect that an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence has been or is being or is about to be committed by that person; or

(ii) the enforcement agency has reasonable grounds to suspect that the property is the proceeds of an unlawful activity or the instrumentalities of an offence.

(2) An order under subsection (1) may include —

(a) an order to direct that the property, or such part of the property as is specified in the order, is not to be disposed of, or otherwise dealt with, by any person, except in such manner and in such circumstances, if any, as are specified in the order;

(b) an order to authorise any of its officers to take custody and control of the property, or such part of the property as is specified in the order if the enforcement agency is satisfied that the circumstances so require;

(c) where custody and control of the property is taken under paragraph (b), an order to authorise any of its officers to sell any frozen moveable property by a public auction or in such other manner as may be practicable if the enforcement agency is of the opinion that the property is liable to speedy decay or deterioration;

(d) an order to authorise any of its officers to hold the proceeds of the sale, after deducting therefrom the costs and expenses of the maintenance and sale of the property sold under paragraph (c); and

(e) an order as to the manner in which the property should be administered or dealt with.

(3) In making an order under subsection (1), the enforcement agency may give directions to the person named or described in the order relating to the disposal of the property for the purpose of —

(a) determining any dispute as to the ownership of or other interest in the property or any part of it;

(b) its proper administration during the period of the order;

(c) the payment of the costs of that person to defend criminal proceedings against him.

(4) An order made under subsection (1) may direct that the person named or described in the order shall —

(a) be restrained, whether by himself or by his nominees, relatives, employees or agents, from selling, disposing of, charging, pledging, transferring or otherwise dealing with or dissipating his property;

(b) not remove from or send out of Malaysia any of his money or property; and

(c) *not leave or be permitted to leave Malaysia and shall surrender any travel documents to the Director–General of Immigration within one week of the service of the order*. (Penekanan ditambah.)

[11] Di bawah s 44, mesti adanya perintah bertulis untuk membekukan harta dan kemudiannya diikuti perintah menghalang orang tersebut dari meninggalkan Malaysia. Di bawah s 44(4)(c), ianya juga mengkehendaki orang tersebut menyerahkan dokumen perjalanan kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia dalam masa seminggu selepas perintah tersebut diserahkan.

[12] Fakta yang tidak dipertikaikan bahawa keputusan responden kedua yang menghalang pemohon pada 3 Jun 2015 berlepas ke Singapura pada hari tersebut adalah berasaskan surat yang diterima daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman, bertarikh 1 April 2015 yang mana pemohon disekat dari meninggalkan Malaysia.

[13] Saya mendapati Ketua Pengarah Imigresen Malaysia hanya boleh menghalang pemohon dari berlepas ke Singapura pada 3 Jun 2015 sekiranya pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah diserahkan dengan perintah dibawah s 44 Akta 613. Pada masa yang sama, passport perjalanan pemohon juga telah diserahkan kepada Ketua Pengarah Pejabat Imigresen Malaysia selaras dengan peruntukan s 44(4)(c) dalam masa seminggu selepas perintah tersebut diserahkan.

[14] Saya mendapati tindakan responden kedua yang menghalang pemohon meninggalkan Malaysia pada 3 Jun 2015 semata-mata bergantung kepada surat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman, bertarikh 1 April 2015 tanpa perintah di bawah s 44(1) Akta 613 adalah satu penyalahgunaan kuasa, satu tindakan yang tidak sah, tidak munasabah dan bertentangan dengan undang-undang.

[15] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya membenarkan tuntutan pemohon di *prayer* 1(c).

Samada permohonan bersikap akademik

[16] Fakta yang tidak dipertikaikan bahawa sekatan terhadap pemohon telahpun ditarik balik pada 25 Jun 2015 dan pemohon bebas untuk meninggalkan Malaysia. Pada masa permohonan semakan kehakiman difailkan, sekatan yang menghalang pemohon meninggalkan Malaysia telahpun ditarik balik.

[17] Ekoran sekatan tersebut ditarik balik, saya mendapati pemohon masih mempunyai hak untuk memohon relif-relif selain relif-relif yang dipohon di *prayer* 1(a) dan (b). Perintah deklarasi yang isunya sudah menjadi akademik (*purely academic*) hanya untuk relif (a) dan (b).

[18] Mahkamah Rayuan dalam kes *Jerry WA Dusing @ Jerry W Patel & Anor v Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Anor* [2015] 1 MLJ 675; [2014] 9 CLJ 321 yang memutuskan: '... the fact that the prayers for an order for certiorari and mandamus were withdrawn does not affect the application. In any event, declaration may be granted by the court in appropriate cases even if was not prayed for jointly or in the alternative with other remedies ...'.

[19] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Teh Guan Teik v Inspector General of Police & Anor* [1998] 3 MLJ 137; [1998] 3 CLJ 153 memutuskan: '... declaration and certiorari are not mutually exclusive and are concurrent remedies ...'.

Isu kedua: Ganti rugi

[20] Ekoran saya mendapati sekatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang menghalang pemohon ke Singapura pada 3 Jun 2015, saya memutuskan pemohon berhak dipampaskan dengan ganti rugi.

[21] Prinsip undang-undang adalah mantap bahawa setiap ganti rugi yang dipohon mestilah dibuktikan. Rujuk kes *Tan Lin Siew v Syed Hussein bin Alwi* [1987] 2 MLJ 53.

[22] Pemohon mempunyai beban untuk membuktikan kerugiannya sebelum berhak kepada ganti rugi-ganti rugi yang dituntut.

[23] Saya tidak membenarkan tuntutan ke atas ganti rugi khas kerana saya mendapati pemohon tidak ada mengemukakan apa-apa keterangan bagi menjustifikasikan tuntutan ini.

[24] Saya mengawardkan ganti rugi am sebanyak RM5,000 kepada pemohon berasaskan faktor bahawa pemohon telah dinafikan haknya untuk bertolak ke Singapura dan telah mengalami kerugian kerana tidak dapat hadir dan menguruskan perniagaannya di Singapura.

[25] Saya mendapati perasaan pemohon yang sedih, malu dan kesengsaraan dalam tempoh hampir tiga bulan mulai daripada 1 April–25 Jun 2015.

[26] Peguam kanan persekutuan menghujahkan jika mahkamah membenarkan ganti rugi, kadar ganti rugi yang minima sebanyak RM3,000 adalah berpatutan.

[27] Berasaskan faktor-faktor di perenggan 24, 25 dan 26, saya memutuskan jumlah ganti rugi am RM5,000 amatlah berpatutan dan munasabah.

[28] Saya seterusnya mendapati pemohon tidak wajar diawardkan ganti rugi tauladan kerana ganti rugi tauladan hanya wajar diberikan sekiranya pemohon mematuhi kategori yang diputuskan dalam kes *Roshairee bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & Ors* [1996] 3 MLJ 337, Hakim James Foong pada masa itu memutuskan:

> ... While considering the request for exemplary damages, this court must bear in mind that the objective for an award under this category is to punish the defendant, and to display the court's indignant attitude towards the acts committed by the defendants. however, from the enlightening judgment of Lord Devlin in *Rookes v Barnard* [1964] 1 All ER 367; [1964] AC 1129, such damages must be restricted to situation where there are 'oppressive, arbitrary or unconstitutional action by the servants of the government' or where 'the defendant's conduct has been calculated by him to make a profit for himself which may well exceed the compensation payable to the plaintiff'. Outside these two categories, exemplary damages should not be awarded ...

[29] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya tidak membenarkan relif pemohon untuk suatu siasatan dan tafsiran ganti rugi dibuat bagi menentukan ganti rugi untuk dibayar kepada pemohon sebagaimana yang dipohon pada relif 1(e).

[30] Mengambil kira keseluruhan permohonan ini, saya mendapati kos permohonan dan kos berkaitan dengan permohonan sebanyak RM4,000 ditanggung oleh responden-responden adalah munasabah dan berpatutan.

Sebahagian permohonan dibenarkan dengan kos sebanyak RM4,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar